



Headline: Warga emas rugi RM10,000 jadi mangsa Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: February 2019

Page: 16

Warga emas rugi RM10,000 jadi mangsa Macau Scam

SIBU - Seorang wanita berusia 66 tahun, kerugian RM10,000 apabila menjadi mangsa Macau Scam terbaru di sini, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa pada mulanya telah menerima panggilan daripada pihak polis di IPD Negeri Sembilan berkaitan penahanan seorang lelaki bernama Roslan Johari yang dikatakan terlibat di dalam penyeludupan dadah dan pengubahan wang haram.

Menurutnya, mangsa kemudiannya telah dihubungkan kepada seorang individu bernama Sarjan Rezuan dan pegawai polis bernama Zaki.

"Mangsa dikatakan terlibat dalam kes ini dan suspek berkata akan membekukan aset mangsa sekiranya tidak mengikut apa yang diarahkan dan polis akan menangkap mangsa selepas ini dengan waran tangkap," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mustafa Kamal berkata, mangsa diarahkan meminda-

hkan wang ke dalam akaun bank suspek, kerana sekiranya wang itu disimpan di dalam akaun bank mangsa, ia akan dibekukan pihak Bank Negara.

"Suspek kemudiannya berjanji akan memindahkan semula wang tersebut ke akaun mangsa setelah selesai urusan dengan pihak Bank Negara.

"Pada jam 1.42 petang, mangsa memindahkan RM10,000 kepada akaun bank suspek, sebelum menyedari ia adalah satu panggilan penipuan," katanya.

Sehubungan itu, Mustafa menasihati orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helah pihak tertentu yang menyamar sebagai pegawai atau anggota polis dan lain-lain jabatan atau agensi kerajaan.

"Pihak polis atau agensi-agensi kerajaan tidak akan meminta orang ramai untuk membayar, atau memindahkan wang ke dalam mana-mana akaun peribadi," tegasnya. - Bernama